

25 OCT 1999

Parlimen-pelekat

PELEKAT BN DI MEJA PEMBANGKANG DIBANTAH WAKIL DAP

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Seorang anggota DAP membantah kewujudan pelekat Barisan Nasional (BN) di meja anggota pembangkang di Dewan Rakyat dan berjaya mendapatkan arahan speaker Tun Mohamed Zahir Ismail supaya ianya dialihkan.

Ekoran bantahan Tan Kok Wai (DAP-Cheras) terhadap pelekat berbunyi "BN, Dulu, Kini dan Selamanya" itu, speaker mengarahkan bentara mengutip semua pelekat itu.

Tan berkata penyebaran pelekat itu bukan pertama kali dilakukan oleh penyokong BN malah pernah pelekat berbunyi "Kita Sokong Dr Mahathir" diedarkan kepada anggota Dewan.

"Parlimen bukan pusat promosi propaganda. Parlimen adalah satu institusi perundangan tertinggi yang perlu dihormati," katanya.

Beliau turut melahirkan kurang senang dengan tindakan pengusaha Kedai Cenderamata Parlimen mengedar katalog barangan pilihan raya mengandungi barangan cenderamata berlogokan dacing BN.

"Kedai ini digunakan untuk propaganda BN. Kalau gitu, esok DAP boleh gantung barangan DAP pula," katanya.

Zahir berkata perkara itu akan disiasat.

"Setahu saya kedai itu bayar sewa. Kedai itu hak persendirian dan bukan hak parlimen. Kalau dia nak siar atau buat apapun, itu hak dia," katanya.

Sebelum itu tindakan Tan mendapat tentangan penyokong-penyokong kerajaan dan ada antara mereka berkata Tan menggunakan kesempatan bangun bagi melengah-lengahkan masa untuk menentukan ketuanya Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) masuk ke dalam.

Sementara keadaan gamat itu berlangsung selama 10 minit, Lim pun masuk dan Zahir meminta Setiausaha Agung DAP itu mengemukakan soalnya kerana Robert Lau Hoi Chew (BN-Sibu) yang sepatutnya mengemukakan soalan sebelumnya, tidak hadir.

Lim yang bangun bagi mengemukakan soalnya kemudian "diboo" kerana kejadian itu seolah-olah dirancang.

Sebelum mengemukakan soalnya, pemimpin DAP itu berkata: "Ini bukan konspirasi."

--BERNAMA

NZ MAI